

**Hulurkan Bantuan Secara Holistik Kepada Kanak-kanak – Rosmah  
Bernama  
3 Ogos, 2012**

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Badan kerajaan dan bukan kerajaan di negara ini disaran memberi bantuan secara holistik kepada kanak-kanak yang memerlukan dan tidak hanya tertumpu kepada pembangunan akademik, kata isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor.

Katanya beliau mengalu-alukan usaha Yayasan Pendidikan Cheras (YPC) yang merangkumi pelaksanaan aktiviti seminar kecemerlangan pelajar, anugerah cemerlang pelajar dan guru bestari serta sumbangan hari raya bagi semua sekolah angkatnya.

"Ini jelas membuktikan YPC bukan sahaja menitikberatkan soal pembangunan dan kecemerlangan pendidikan semata-mata, bahkan prihatin terhadap keperluan dan kebajikan kanak-kanak yang memerlukan," katanya pada majlis penyampaian sumbangan bantuan Hari Raya Aidilfitri 2012 YPC di Pusat Rekreasi Cheras, di sini, Jumaat.

Rosmah berkata pada tahun ini, YPC mengambil 37 buah sekolah sebagai sekolah angkat dan penerima sumbangan terdiri daripada kanak-kanak istimewa, anak yatim dan mereka yang kurang berkemampuan.

Turut hadir Ketua Umno Bahagian Cheras Datuk Wira Syed Ali Alhabshee, yang juga Pengerusi YPC.

Pada majlis itu, 394 pelajar dari sekolah angkat YPC dan 36 jemputan khas dari Rumah Taman Sri Putri Cheras menerima bantuan wang yang disampaikan Rosmah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685415>





